



# *Sara Kata “Tak Nak”*



Disokong oleh:

YAYASAN  
HASANAH



A foundation of Khazanah Nasional

Prihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

## NOTA KEPADA PEMBACA

Penderaan seksual kanak-kanak boleh berlaku kepada sesiapa sahaja termasuklah mereka yang kurang upaya. Kanak-kanak kurang upaya lebih berisiko disebabkan oleh cabaran pemikiran dan limitasi komunikasi mereka dalam memahami, mendedahkan atau meminta bantuan apabila didera. Tambahan pula, penempatan di pusat atau tempat keperluan penjagaan fizikal yang rapi boleh meningkatkan risiko ini.

Buku cerita ini mengenai Sara, seorang kanak-kanak kurang upaya yang mengidap palsi serebrum (*cerebral palsy*, CP). CP adalah suatu keadaan di mana seseorang tidak berupaya untuk bergerak, mengimbangkan diri, dan mempunyai kesukaran untuk memahami. Simptom CP boleh berbeza-beza daripada tahap ringan kepada teruk. Sebagai contoh, kurang kawalan dan koordinasi otot, sukar untuk bercakap dengan jelas, kekurangan kognitif dan masalah untuk mengunyah dan menelan makanan.



# *Sara Kata “Tak Nak”*






**Setiap pagi, Sara berumur 9 tahun  
menunggu van bersama ayahnya  
untuk ke pusat aktiviti kanak-kanak  
palsi serebrum.**



Sara mempunyai palsi serebrum dan  
mempunyai kesukaran untuk berjalan,  
memegang barang dan bercakap  
dengan jelas.




Hari ini, Pak Cik San, seorang pemandu dari pusat aktiviti, mengambil Sara dan rakan-rakannya, Abu dan Maria, untuk pergi ke pusat aktiviti.



Apabila Pak Cik San tiba, dia akan menolong Sara masuk ke dalam van. Sara berasa sangat gembira berjumpa dengan rakan-rakannya di dalam van.




Di pusat aktiviti, ahli terapi pertuturan membantu Sara untuk bercakap dengan lebih jelas. Beliau menggunakan carta komunikasi.



Apabila tiba waktu pulang,  
Pak Cik San akan menghantar  
Abu dan Maria terlebih dahulu  
sebelum menghantar Sara.



Pada minggu seterusnya, selepas  
menghantar Abu dan Maria, Pak Cik San  
memberikan gula-gula kepada Sara.  
Sara berasa sangat gembira.



Apabila Sara tiba di rumah, ayah Sara perasan jari Sara melekit. Ayahnya terjumpa pembalut gula-gula di dalam beg Sara. Apabila ayah bertanya kepadanya, Sara menjawab, “Pakkk...Cik”.




Pada hari-hari seterusnya, ayah  
Sara selalu perasan Sara balik  
dengan gula-gula dan coklat  
daripada Pak Cik San.



Satu hari, semasa pulang ke rumah,  
Pak Cik San memberitahu Sara  
dia mahu berikan hadiah istimewa  
kepadanya. Sara berasa teruja.



Pak Cik San membelikan aiskrim untuk Sara. Kemudian, dia berhentikan van di sebuah lorong yang sunyi.




Pak Cik San membantu Sara untuk makan ais krim kerana Sara sukar untuk memegang sudu. Sara berasa sangat gembira.




Apabila sampai di rumah Sara, ayah Sara bertanya kepada Pak Cik San mengapa mereka lambat. Pak Cik San menjawab,  
“Jalan sesak lah”.



Pada minggu-minggu seterusnya,  
Pak Cik San kerap membelikan  
aiskrim untuk Sara.



Pak Cik San membuat Sara ketawa.  
Dia memberitahu bahawa Sara adalah  
kawan istimewanya. Pak Cik San mula  
menyentuh kepala dan bahu Sara.



Pada satu hari, selepas menghabiskan aiskrim, Pak Cik San tiba-tiba memasukkan tangannya ke dalam baju Sara dan kemudiannya ke dalam seluar Sara.




Sara berasa sangat terkejut dan takut.

Pak Cik San memberitahu Sara,  
“Jangan risau. Ini adalah permainan  
untuk kawan-kawan istimewa. Jangan  
beritahu sesiapa, ok?” Dia kemudiannya  
menghantar Sara pulang.



Malam itu, Sara sangat senyap dan tidak bermain dengan kucingnya.



Pada hari-hari seterusnya, Pak Cik San memberikan Sara aiskrim dan bermain ‘permainan istimewa’ itu. Sara tidak suka ‘permainan istimewa’ Pak Cik San.



Pada satu pagi apabila Pak Cik San  
datang untuk mengambil Sara,  
Sara tidak mahu masuk ke dalam van.  
Sara menangis dengan kuat.



Ayah Sara tidak faham apa yang terjadi.  
Beliau menolak kerusi roda Sara ke  
dalam van dan memakaikan tali  
pinggang keledarnya.



Pak Cik San terus memandu.  
Ayah Sara melambai tetapi Sara tidak  
senyum atau membala lambaian itu.  
Ayah Sara berasa tidak senang hati.



Ayah Sara menelefon Cikgu Aini di pusat aktiviti untuk bertanyakan keadaan Sara. Cikgu Aini berkata, “Sara jadi senyap sangat, ada apa-apa jadi di rumah ke?”



Pada tengah hari itu, ketika Pak Cik San membawa Sara pulang, Sara tidak mahu Pak Cik San membantunya turun dari van. Sara menjerit, "Tak...nakkkk!" Ayah Sara yang membantu Sara turun dari van.



Apabila Pak Cik San pergi, Sara menjerit  
“TAK NAK! TAK NAK! TAK NAK!”  
dan mula menangis.



Ayah Sara membawa Sara ke dalam rumah. Dia memeluk Sara sehingga Sara berhenti menangis.



Perlahan-lahan, ayah Sara bertanya,  
“Sara, kenapa menangis?” Sara menjawab,  
“Pakkk...Cik jaahat...” sambil menunjukkan  
isyarat ‘tidak baik’ dengan tangannya.



Ayah Sara bertanya, “Pak Cik San jahat? Kenapa? Beritahu ayah.” Sara memegang dadanya dan menurunkan tangannya ke pinggang beberapa kali sambil mengatakan ‘Pak Cik’ dan ‘jahat’.



Ayah Sara bertanya, “Apa maksud Sara?  
Pak Cik San sentuh Sara ke?”  
Sara mengangguk.



Ayah Sara mengeluarkan carta-carta komunikasi. Sara memberitahu ayahnya tentang perkara yang terjadi dengan menunjukkan gambar dan perkataan dalam carta tersebut.



Ayah Sara sangat terkejut.  
Dia berkata, “Apa yang Pak Cik San  
buat itu salah. Sebab itulah Sara rasa  
sedih dan marah!”




Ayah Sara berasa amat marah dan beliau memberitahu Sara, “Nasib baik Sara beritahu ayah. Kita kena hentikan perbuatan Pak Cik San ini.”



Ayah Sara menelefon Cikgu Aini dan memberitahu beliau perkara yang terjadi. Petang itu, ayah Sara dan Cikgu Aini membuat laporan polis tentang perkara tersebut.




Pada minggu seterusnya, seorang pemandu van yang baru datang mengambil Sara untuk pergi ke pusat aktiviti. Kali ini, seorang cikgu daripada pusat aktiviti datang bersama.




Di pusat aktiviti, cikgu-cikgu mengajar tentang sentuhan ‘baik’ dan ‘tidak baik’.

Mereka berkata, “Sentuhan yang baik akan buat kita rasa gembira dan selesa. Sentuhan tidak baik pula akan buat kita rasa keliru dan tidak selesa.”



Cikgu berpesan, “Kalau ada orang sentuh kamu cara tidak baik, kamu kena beritahu seseorang dengan cepat dengan melukis gambar, membuat bising dan menunjukkan isyarat. Kamu boleh dapat bantuan untuk hentikan perbuatan tersebut.”



Isikan bulatan dengan nama orang yang kamu percaya dan boleh membantu kamu.



Pusat Kesedaran Wanita (WCC) adalah sebuah organisasi bukan berkeuntungan untuk membendung keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, serta mempertingkatkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial.

**Penulis**

Prema E. Devaraj

**Penterjemah**

Salma Rasid dan Hastiny Subramaniam

**Kartunis**

Faizati Mohd Ali

**Lakaran dan Reka Letak**

C-Square Sdn Bhd, Penang

**Penghargaan khas**

Tan Chin Chin, Khor Ai Na dan Zuliana bt. Md. Dzulkifli

**Penerbit**

Pusat Kesedaran Wanita

**Disokong oleh**

Yayasan Hasanah

© 2022, Women's Centre for Change, Penang



[www.wccpenang.org](http://www.wccpenang.org)

[wcc@wccpenang.org](mailto:wcc@wccpenang.org)

WCC Penang